

18 SEP 2003

Penguin

UNDERWATER WORLD LANGKAWI SEDIA RM1 JUTA PELIHARA PENGUIN

LANGKAWI, 18 Sept (Bernama) -- Underwater World Langkawi di Pantai Cenang di sini memperuntukkan RM1 juta untuk memelihara burung penguin di kompleks terbabit yang dijangka menjadi tarikan baru pelancong.

Pengerusi Eksekutif Eden Enterprises (M) Berhad Datuk Abdul Rahim Mohamad hari ini berkata untuk tujuan itu, 30 hingga 40 ekor burung itu akan diimport dari Antartika.

"Kita akan membawa pakar dari luar negara untuk melatih kakitangan kompleks ini memelihara burung penguin itu yang ideanya dicetuskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya pada sidang media di sini.

Selain itu, Abdul Rahim berkata Underwater World akan dijadikan pusat penyelidikan bagi membolehkan pensyarah dan pelajar melakukan kajian.

Sementara itu, penganjur Karnival Langkawi 2003 berharap dapat mengumpul 27,000 orang bagi menyertai Program Rangkaian Tangan untuk dicatatkan dalam Malaysian Book of Records sebagai tanda terima kasih kepada Dr Mahathir.

Pengurus Besar Turisma Langkawi, syarikat yang menganjurkan karnival itu, Mohamed Miftah Ishak hari ini berkata program berkenaan akan diadakan pada 6 Okt depan melibatkan jarak sejauh 18 kilometer dari Padang Matsirat ke Dataran Marmar, Kuah.

Beliau berkata setakat ini, seramai 13,000 orang terdiri daripada kakitangan kerajaan dan pelajar telah mendaftar untuk menyertai program berkenaan.

"Kita turut mengundang Perdana Menteri untuk mengambil bahagian," katanya.

Karnival itu berlangsung sebulan dan berakhir pada 15 Okt ini.

-- BERNAMA

ZI MAN LAT